

04/08/1998

Malaysia tinjau peluang pelaburan di Djibouti

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan menghantar satu delegasi diterajui dua menteri Kabinet bagi meneroka peluang pelaburan dan mengkaji kemudahan pelabuhan di Djibouti.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat dua hala di antara delegasi Malaysia yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Djibouti yang diterajui Presidennya, Hassan Gouled Aptidon, di Jabatan Perdana Menteri (JPM) petang ini.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat lebih sejam itu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Djibouti meminta Malaysia menggunakan negaranya sebagai pintu bagi memasuki pasaran besar di Afrika Timur yang memiliki 130 juta penduduk.

Justeru, katanya, Malaysia akan menghantar satu delegasi peringkat menteri yang disertai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Delegasi itu bertujuan meninjau peluang pelaburan dari dekat di negara selain mengkaji kemudahan pelabuhan di negara berkenaan. Djibouti berharap delegasi itu akan dihantar secepat mungkin," katanya.

Mesyuarat dua hala itu diadakan selepas Dr Mahathir mengadakan perbincangan empat mata dengan Hassan di pejabatnya.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian kerjasama di antara kedua-dua negara.

Rafidah mewakili Malaysia bagi Perjanjian Jaminan Pelaburan, manakala Abdullah menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Sainifik, Teknikal dan Kebudayaan.

Menteri Perdagangan dan Industri Djibouti, Mohamed Barkat Abdillahi, mewakili negaranya bagi kedua-dua perjanjian berkenaan.

Abdullah berkata, Presiden Djibouti sedia memberi insentif bagi membolehkan syarikat Malaysia melabur dalam bidang petroleum, komunikasi, industri ringan dan perbankan.

Katanya, Djibouti juga mencadangkan Malaysia membantu mereka membangunkan infrastruktur, pertanian dan pembangunan perkhidmatan pelabuhan dan lapangan terbang.

Malaysia pula menawarkan Djibouti tempat bagi program latihan yang berhubung kait dengan ekonomi, pengurusan dan pengurusan pelabuhan.

Setakat ini, sembilan pelajar Djibouti sedang mengikuti pengajian di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Bagi 1997, perdagangan dua hala Malaysia-Djibouti berjumlah RM13.76 juta, manakala bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini, ia berjumlah RM4.95 juta.

Tahun lalu, eksport Malaysia ke Djibouti pula bernilai RM13.68 juta. Antara eksport utama negara ialah minyak sawit, perabot, tekstil dan karung serta bag plastik yang merangkumi 89.72 peratus daripada keseluruhan eksport.

Import Malaysia tahun lalu pula berjumlah RM0.074 juta. Import utama negara ialah gentian fiber yang membentuk 94 peratus keseluruhan import.

(END)